

09/10/1998

Guan Eng boleh kemuka pertanyaan di Dewan Rakyat

KUALA LUMPUR, Khamis - Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng, berhak mengemukakan pertanyaan dan usul untuk sesi mesyuarat Dewan Rakyat kerana beliau masih kekal sebagai Ahli Parlimen sehingga rayuan pengampunannya kepada Yang di-Pertuan Agong dan Yang Dipertua Negeri Melaka, diputuskan.

Malah Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohd Zahir Ismail, berkata sementara keputusan rayuan dibuat, Parlimen juga wajib menghantar notis mesyuarat kepada Ahli Parlimen itu setiap kali mesyuarat hendak diadakan.

Lim kini menjalani hukuman penjara di Penjara Kajang kerana disabitkan kesalahan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan serta Akta Hasutan.

Sambil mengesahkan beliau sudah menerima pertanyaan dan usul yang dihantar oleh Lim kepada Parlimen, Mohd Zahir berkata, sama ada soalan yang dikemukakan itu akan dijawab atau tidak bergantung kepada kehadiran Lim ketika sesi persidangan.

"Jika Ahli Parlimen berkenaan tidak hadir ketika sesi soal jawab berlangsung, soalan itu tidak akan dijawab.

"Bagaimanapun, jika semua soalan sudah habis dijawab sedangkan masa masih ada dan seorang Ahli Parlimen lain bangun serta meminta soalan berkenaan (soalan Lim) dijadikan sebagai soalannya, menteri yang berkaitan perlu menjawab soalan itu," katanya ketika dihubungi di rumahnya, di sini petang ini.

Kecuali Ahli Parlimen Kota Melaka itu, menurut Mohd Zahir, belum ada Ahli Parlimen yang dipenjarakan, menghantar soalan atau usul untuk sesi Dewan Rakyat.

DAP dalam kenyataan akhbarinya hari ini menyatakan Lim sudah menghantar lima soalan bertulis dan sembilan soalan lisan serta satu usul kepada Parlimen untuk sesi Dewan Rakyat yang akan bermula pada 20 Oktober ini.

Usul berkenaan ialah meminta Dewan Rakyat mengambil ketetapan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan kerana ketinggalan zaman dan disalahgunakan terhadap pihak yang menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Barisan Nasional (BN).

Mohd Zahir berkata, kedudukan Lim sama ada akan terus kekal sebagai Ahli Parlimen atau tidak, bergantung kepada keputusan rayuan pengampunannya.

(END)